

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan gaji minimum dalam platform perniagaan industri ekonomi gig seperti mana yang telah dilakukan Kerajaan UK kepada para pekerja.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732], Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020 terpakai kepada semua pekerja di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik seperti yang telah didefinisikan di bawah Akta Kerja 1995 [Akta 265], Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Secara amnya, 'pekerja' di bawah Akta 265, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) adalah individu yang terikat di bawah satu kontrak perkhidmatan (*contract of service*) dengan pihak majikan. Sekiranya pekerja di bawah kontrak perkhidmatan, maka PGM adalah terpakai.

Status pekerja ekonomi gig adalah sebagai kontraktor yang bekerja sendiri dan bebas (*self-employed and freelance*) yang tertumpu kepada skop kerja dan tempoh masa yang telah ditetapkan (*contract for service*) dengan bayaran yang dipersetujui.

Sistem bekerja dan ciri-ciri gig telah memberi kebebasan kepada organisasi dan pekerja menjalankan kontrak yang lebih terbuka dan bekerja secara fleksibel tanpa terikat bekerja sepenuh masa dan persekitaran pejabat. Kontrak ini memberi perlindungan ke atas pekerja gig. Walau bagaimanapun, tahap perlindungan adalah minimum jika dibandingkan dengan pekerja biasa.

Namun, atas inisiatif, Kerajaan telah menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada pekerja ekonomi gig contohnya penghantar makanan dan *e-hailing services*, mereka mendapat perlindungan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] sekiranya mereka mencarum di bawah Akta tersebut.

Di United Kingdom (UK), pekerja ekonomi gig mendapat perlindungan gaji minimum (berikutan kes Uber vs Aslam) Mahkamah Agung UK telah memutuskan bahawa kontrak pemandu bagi *ride sharing application* adalah menjurus kepada kontrak perkhidmatan, susulan ketidakpuasan kadar upah penghantaran yang berubah-ubah.

Manakala di Malaysia, pekerja ekonomi gig **tidak termasuk di bawah definisi pekerja** seperti yang dinyatakan di bawah Akta Kerja 1995 [Akta 265], Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Sistem pekerjaan gig dan *contract for service* yang dipersetujui menjadikan pekerja ekonomi gig tidak terpakai di bawah Akta 732 dan PGM. Setakat ini, tiada rekod atau pemfailan kes buruh berkaitan golongan ini yang boleh digunakan sebagai *test case* atau penandaarasan yang membolehkan pekerja ekonomi gig menikmati manfaat seperti pekerja di bawah definisi undang-undang buruh di Malaysia.

Kerajaan sentiasa terbuka terhadap setiap pandangan dan cadangan yang diberikan. Kementerian bersedia meneliti apa jua cadangan yang dapat memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:**

- (a) jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk tahun 2017- 2021 (secara berasingan), termasuk jumlah projek yang telah disiapkan, masih berlangsung, terbengkalai, dan dibatalkan; dan
- (b) apakah status projek PPR Klebang di negeri Melaka yang sepatutnya siap dibina pada Oktober 2018.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 154 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina sejak tahun 1982 yang merangkumi 97,196 unit. Bagi tempoh 2017 hingga kini, sebanyak 15,738 unit telah siap dibina, 9,862 unit dalam pembinaan dan 2,893 unit dalam perancangan di seluruh negara.

Jumlah projek yang dibatalkan sehingga kini adalah sebanyak 24 projek disebabkan oleh tapak yang kurang sesuai untuk pembangunan PPR, kos naik taraf infrastruktur yang berlebihan, dan tiada permintaan untuk rumah kos rendah di kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek yang dibatalkan akan ditukarkan ke lokasi atau negeri lain yang mempunyai keperluan perumahan untuk golongan B40 yang lebih mendesak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek PPR Pulau Gadong, Klebang, Melaka merupakan projek yang diluluskan di bawah RMKe-11. Projek ini melibatkan pembangunan 255 unit rumah pangsa berbilang tingkat berserta kemudahan telah dimulakan pada 15 Februari 2016. Walau bagaimanapun, kontraktor asal bagi projek ini telah gagal melaksanakan kerja-kerja di tapak seperti mana yang telah dijadualkan dan kontrak telah ditamatkan melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor bertarikh 1 September 2020.

Prestasi kemajuan kerja fizikal semasa penamatan kontrak adalah 90%. Pada masa ini, projek masih dalam fasa perolehan melantik kontraktor penyiap dengan jangkaan Surat Setuju Terima (SST) pada 14 Februari 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada rancangan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (MWEZ) oleh Kerajaan Negeri Melaka telah menerima persetujuan daripada Majlis Perancang Fizikal Negara, dan apakah isu-isu yang telah dibangkitkan dapat persetujuan pertimbangan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (Melaka *Waterfront Economic Zone*/M-WEZ) oleh Kerajaan Negeri Melaka telah diangkat ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-37 (Bil.2/2021) pada 6 Mei 2021 untuk mendapat nasihat di bawah perenggan 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dalam bentuk cadangan konsep. Walau bagaimanapun, mesyuarat telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan tersebut.

Seterusnya, cadangan tersebut telah dibangkitkan semula semasa pembentangan Perkara-Perkara Berbangkit di MPFN Ke-38 (Bil.3/2021) yang bersidang pada 5 Julai 2021. Mesyuarat memutuskan untuk

bersetuju secara dasar ke atas cadangan pembangunan ini dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Kesan kepada Nelayan dan Cadangan Mitigasi**  
Menyediakan satu kajian khas yang menfokuskan kepada pelan mitigasi merangkumi tindakan dan program yang boleh dijalankan untuk membantu para nelayan yang terjejas;
- ii. Kesan Terhadap Aliran Sungai-Sungai**

  - Kaedah bagi mengelakkan kesan terhadap sungai-sungai utama akan dimasukkan di dalam penyediaan Laporan Blueprint M-WEZ; dan
  - Menyediakan laporan impak (EIA, FIA, TIA, HIA dan SIA);
- iii. Pemuliharaan Ekosistem Akuakultur Pulau Besar**  
Kawasan Pulau Besar tidak termasuk di dalam kawasan M-WEZ dan sempadan M-WEZ ke Pulau Besar adalah sejauh empat (4) kilometer dari jeti Anjung Batu. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri perlu melaksanakan pemuliharaan ekosistem akuakultur di kawasan tersebut;
- iv. Kesan Terhadap Kawasan Pendaratan Penyu Karah**  
Langkah-langkah perlindungan terhadap kawasan pendaratan penyu telah dimasukkan di dalam kajian Blueprint M-WEZ;
- v. Cadangan Pelabuhan Baharu Berhampiran Pelabuhan Tanjung Bruas**  
M-WEZ berperanan menyelaraskan pembangunan di kawasan Tanjung Bruas. Bagi cadangan pelabuhan baharu di hadapan Pelabuhan Tanjung Bruas, pelan konsep telah dipinda dan bukaan Pelabuhan Tanjung Bruas adalah selebar 1.28 kilometer di mana ianya sesuai bagi laluan kapal dan tidak

mengganggu aktiviti pelabuhan selaras dengan pandangan Kementerian Pengangkutan;

**vi. Status Sebagai Projek Berstatus Nasional**

Penarafan projek ini sebagai projek nasional merupakan salah satu strategi Kerajaan Negeri untuk mendapatkan insentif. Cadangan pembangunan ini disyorkan untuk dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi untuk pertimbangan berkaitan pewujudan zon ekonomi dan pengiktirafan projek berstatus nasional, dan seterusnya diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan berkaitan penglibatan Kerajaan Persekutuan dari segi insentif dan kewangan;

**vii. Keperluan Penyediaan Laporan Hidraulik**

Kerajaan Negeri sedia maklum berkenaan keperluan penyediaan kajian hidraulik yang merupakan keperluan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), terutama bagi cadangan pembangunan yang melibatkan kerja-kerja tambakan. Laporan hidraulik ini perlu dikemukakan semasa permohonan Kebenaran Merancang (KM); dan

**viii. Keperluan Penyediaan Laporan Kajian-Kajian Terperinci**

Kerajaan Negeri perlu menyediakan kajian-kajian terperinci dan ianya akan disyaratkan semasa pemohon mengemukakan permohonan KM.

Sekian, terima kasih.